



# KERATAN SURAT KHABAR

SURAT KHABAR	:	UTUSAN MALAYSIA		
TARIKH	:	4/8/2021 (RABU)	MUKA SURAT	: 20
JABATAN	:	PERHILITAN		

Oleh HARIS FADILAH AHMAD  
utuznews@mediamalaysia.com.my

**T**AMAN Negara Kuala Tahan dan Hulu Tembeling, Pahang bukan sahaja terkenal dengan keindahan hutan tropika dan aliran Sungai Tembeling yang menyimpan spesies air tawar bermutu tinggi. Sejak sekecil ini perhatian beralih kepada konflik antara manusia dengan haiwan liar yang berlaku di situ.

Konflik berlaku apabila gajah liar dan hutan yang semakin mengecil sudah menceroboh dan berkeluaran di kawasan tapak pertanian. Ia termasuk menghampiri kediaman penduduk pada waktu malam.

Hutan liar yang kehilangan habitat asal itu masuk ke kampung mencari makanan dan merosakkan tanaman komersial seperti sayur-sayuran, kelapa pandan, sawit dan getah. Yang paling dibimbangi mengancam keselamatan penduduk.

Di Jerantut, lokasi yang sering jadi rampasan kawanan gajah liar atau di Mukim Hulu Tembeling, Mukim Tembeling Tengah, Pulau Tawar. Ia juga pernah dilaporkan masuk ke kawasan tanaman sawit di FELDA Kota Gelanggi di sini.

Di Hulu Tembeling, fenomena penyerokan hutan tebal dibimbangi untuk projek pembangunan ladang sawit, getah dan pembalakan sudah diketahui umum. Ia mengancam habitat haiwan liar terutamanya kawasan rayau mencari makanan.

Menurut sumber Jabatan Perlindungan Hidupan Liar dan Taman Negara (Perhilitan), bilangan gajah yang masih ada adalah antara 1,000 hingga 1,100 ekor di Semenanjung Malaysia. Taman Negara mempunyai populasi gajah terbesar dianggarkan antara 290 hingga 350 ekor gajah.

Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri, Datuk Nazri Ngah berkata, kerajaan negeri di bawah kepimpinan Menteri Besar, Datuk Seri Wan Rosly Wan Ismail mengambil maklum tekanan yang dihadapi oleh penduduk Mukim Tembeling Tengah dan Mukim Hulu Tembeling berhubung ancaman gajah liar yang dilaporkan sejak kebelakangan ini.

Katanya, kerajaan menerusi Perhilitan terus mengambil tindakan proaktif apabila mendapat laporan Jawatankuasa Keselamatan Kemakmuran Kampung UKKK dan penduduk dengan mengahibis haiwan liar ini semula ke hutan berdekatan.

"Sekiranya pencerobohan berulang dan merosakkan lebih banyak kawasan pertanian, operasi penangkapan akan



**Sejak awal tahun ini cuma berlaku dua kes gangguan liar di Tembeling Tengah dan telahpun ditangkap oleh Unit Tindakan Gajah, Kuala Gandah lalu dipindahkan ke Terengganu."**


**MOHD. ZAKHWAN AHMAD BADARDUDIN**

diadakan oleh Unit Tangkapan Gajah (UTG) Kuala Gandah serta pemindahan ke Perkampungan Konservasi Gajah Kenyir, Terengganu," katanya.



UM, 4 Ogos 2021 20

KERJA penangkapan gajah liar menggunakan dua ekor gajah denak dilakukan oleh Unit Tindakan Gajah Kuala Gandah di Kampung Doja, Tembeling Tengah, Jerantut awal tahun ini. - UTUSAN/ HARIS FADILAH AHMAD



GAMBAR dirakamkan oleh penduduk menunjukkan seekor gajah liar berkeluaran mencari makanan berdekatan Kampung Kuala Sat, Jerantut baru-baru ini.

## Habitat diganggu, gajah masuk kampung

Nazri yang juga Pengerusi Gajah Liar Pahang berkata, kebiasannya gajah yang menceroboh semula ke kawasan pertanian dan penempatan penduduk membahayakan seekor atau dua sahaja. Sehingga kini lima ekor sudah ditangkap dan dipindahkan ke Terengganu.

Katanya, kerajaan negeri masih di peringkat perancangan untuk menempatkan gajah liar di kawasan santapan di daerah ini. Kawasan Hulu Tembeling dan berdekatan Kuala Tahan antara pilihan utama pusat konservasi gajah kerana terletak berdekatan dengan tempat polanangan.

"Bagi saya pemindahan gajah liar ke negeri lain juga tidak sesuai kerana ia menjadikan spesies gajah liar semakin berkurangan di

hutan Pahang. Lebih baik kita merangka perancangan kawasan pemeliharaan (santuari) sebagai pemangkin sektor ekopelancongan pada masa akan datang," katanya.

Nazri berkata, berasaskan kajian, haiwan liar itu mampu kembali semula ke habitat asal walaupun setelah dipindahkan ke negeri lain. Ini kerana gajah boleh menghabiskan perjalanan lebih 500 kilometer dalam tempoh berbulan-bulan untuk pulang ke tempat asalnya.

"Tidak mustahil, sekiranya gajah liar yang ditangkap di daerah ini dan dipindahkan ke Kenyir, Terengganu akan kembali semula ke Pahang melalui laluan hutan menyeberangi Banjaran Terengganu Tengah dan melepasi sempadan Pahang

berdekatan Kampung Gusai, Hulu Tembeling," katanya yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Pulau Tawar.

Dalam pada itu, ADUN Tahan, Mohd. Zakhwan Ahmad Badarudin berkata, berdasarkan aduan penduduk sejak 2019 dan bermulanya Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) tahun lalu, sudah 50 kali pencerobohan gajah liar di Mukim Tembeling Tengah dan Penempatan Orang Asli Sungai Tiang di kawasan kediaman dan tanaman mereka.

"Kawanan gajah liar antara lima hingga enam ekor ini menceroboh kebun sawit, kelapa pandan dan tanaman nangka madu di penempatan Melayu pesisir Sungai Tembeling iaitu Kampung Labu, Kampung Lubuk Payang, Kampung

Hulu Retang, Kampung Rebus, Kampung Batu Balak, Ladang FELDA Padang Prol dan Stesen Penyelidikan Malaysia Palm Oil Board.

"Tetapi, sejak awal tahun ini cuma berlaku dua kes gangguan liar di Tembeling Tengah dan telahpun ditangkap oleh Unit Tindakan Gajah, Kuala Gandah lalu dipindahkan ke Terengganu," katanya.

Mohd. Zakhwan yang juga Ketua Dewan Pemuda Pas negeri berkata, rejjer Perhilitan melakukan operasi penangkapan memandangkan pencerobohan gajah liar banyak merosakkan tanaman komersial.

"Ini menjejaskan pendapatan penduduk dalam tempoh PKP selain dibimbangi mengancam keselamatan manusia," katanya.